



**MAKLUM BALAS KEPADA CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
HASIL DARIPADA KAJIAN KEPUASAN BEKERJA TAHUN 2015
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
1.	Pengurusan organisasi	Memastikan setiap dasar dan arahan yang dilaksanakan diketahui oleh semua warga JANM	Bahagian/ Negeri/Cawangan	Semua Bahagian	<p>BA MOF - Mengadakan seisi "Knowledge Sharing" secara berkala.</p> <p>BPOPA - Setiap dasar dan arahan yang dilaksanakan telah dimaklumkan kepada semua warga BPOPA melalui Ketua Seksyen / Unit masing-masing melalui Mesyuarat Pengurusan BPOPA yang dibuat setiap bulan.</p> <p>Seterusnya maklumat tersebut disalurkan kepada semua warga BPOPA melalui Mesyuarat Seksyen / Unit masing-masing.</p> <p>BPOPP - Dasar dan arahan telah dimuatnaik ke dalam portal JANM, Amanat Dato' ANM disampaikan Perhimpunan Bulanan JANM dan dipancarkan ke semua JANM Negeri/ Cawangan.</p> <p>BWTD - Tiga (3) peringkat aktiviti telah diadakan bagi menyampaikan/ memastikan dasar/arahan diketahui/ dilaksanakan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mesyuarat bulanan Pengurusan BWTD ii. Mesyuarat bulanan Ketua Seksyen iii. Perjumpaan Warga BWTD bersama Pengurusan Atasan JANM/ BWTD, setahun dua (2) kali

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
					<p>IPN - Pemberitahuan kepada warga IPN dilakukan melalui emel dan memo.</p> <p>PPPA - Pemberitahuan melalui mesyuarat dan email pemberitahuan dan bahan edaran telah dilakukan dan menjadi sebahagian daripada aktiviti PPPA.</p> <p>BPTM - BPTM mengeluarkan emel makluman, serta peringatan juga diberi semasa perjumpaan Pengarah bersama semua kakitangan.</p> <p>BPAD - BPAD sentiasa memastikan setiap dasar dan arahan dimaklumkan kepada semua warga BPAD dengan membuat edaran dalaman.</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
		Pengurusan atasan untuk kerap turun padang bagi melihat sendiri masalah yang dihadapi kakitangan	Bahagian/ Negeri/Cawangan	Semua Bahagian	<p>BA MOF - Sentiasa mengadakan perbincangan selain daripada mesyuarat Pengurusan Bulanan.</p> <p>BPOPA - Platform yang digunakan untuk melihat masalah yang dihadapi oleh warga BPOPA adalah melalui :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mesyuarat Seksyen / Unit 2. Perjumpaan Warga BPOPA bersama Pengarah yang diadakan dua kali setahun. <p>BPOPP - Pengurusan atasan telah turun padang ke JANM Negeri/ Cawangan dan telah mengadakan perjumpaan dengan warga JANM Negeri/ Cawangan dan warga perakaunan.</p> <p>BWTD - Tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pengurusan mengamalkan konsep <i>coaching, open door</i> dan <i>walk around</i>. ii. Setiap isu/masalah yang timbul dibincangkan bersama sehingga selesai <p>IPN - Pihak Pengurusan JANM mengadakan lawatan ke IPN sempena penemuan Audit Dalam Perbendaharaan seperti yang berikut :</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
					<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan Kerja TAN(K) (29 Feb 2016) • Lawatan Kerja Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (7 Mac 2016) • Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Perbendaharaan (11 Jun 2016) <p>PPPA - Pengarah memantau dan menjalankan pemerhatian di setiap unit dan bertemu kakitangan untuk mengetahui masalah yang dihadapi serta melalui mesyuarat pengurusan yang telah diadakan sebanyak 7 kali.</p> <p>BPTM - BPTM mengadakan sesi perjumpaan bulanan Pengarah bersama semua kakitangan setiap bulan.</p> <p>BPAD - Pengarah BPAD sentiasa prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh kakitangan dengan berjumpa sendiri pegawai berkenaan.</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
		Cadangan agar bahagian tidak menjalankan kerja secara 'silo' sebaliknya bekerja secara berpasukan.	Bahagian Ibu Pejabat	Semua Bahagian	<p>BA MOF - Menjadi amalan BA MOF</p> <p>BPOPA - Perkara ini dibincangkan melalui Diskusi Akruan yang diadakan setiap bulan</p> <p>BPOPP - BPOPP sentiasa memberi kerjasama bagi menjayakan program/ aktiviti yang dianjurkan oleh Bahagian-Bahagian lain di ibu pejabat.</p> <p>BWTD - Mewujudkan Jawatankuasa Pemadu/Jawatankuasa Kerja dan mengadakan Bengkel Khas yang dipengerusikan oleh TAN(O)/PBWTD dengan ahli dari bahagian yang terlibat serta agensi luar yang berkaitan.</p> <p>IPN - IPN mengadakan seminar atau bengkel yang melibatkan semua bahagian di JANM. Antaranya Seminar Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal di Malaysia (25 Oktober 2016)</p> <p>PPPA - PPPA sentiasa berbincang dengan bahagian JANM yang lain dan juga kementerian khususnya dalam melaksanakan perakaunan akruan melalui mesyuarat dan perbincangan dari masa ke semasa agar keputusan yang diambil mengambil kira</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
					<p>keperluan pihak yang terlibat dan pada masa yang sama pihak tersebut dapat memahami aktiviti dan pencapaian yang ingin dicapai seterusnya ia dapat membentuk satu kerja berpasukan dalam melaksanakan perakaunan akruan. Contoh: Mesyuarat-mesyuarat tadbirurus bagi pelaksanaan perakaunan akruan, Mesyuarat Kumpulan Kerja Kementerian <i>Stakeholder Engagement, Task Based Group</i>, Forum dan beberapa siri perbincangan serta bengkel yang berkaitan.</p> <p>BPTM - Penglibatan semua wakil bahagian berkaitan dalam perbincangan atau tugasan terutama pelaksanaan sesuatu dasar.</p> <p>BPAD - BPAD sentiasa mengamalkan kerja berpasukan bagi setiap aktiviti/program yang dirancang.</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
2.	Pengurusan kerja	Pembahagian kerja lebih adil dan saksama di kalangan kakitangan	Bahagian/ Negeri/Cawangan	Bahagian/ Negeri/Cawangan	<p>BA MOF - Pembahagian tugas dibuat secara teratur</p> <p>BPOPA - Perkara ini sering dibincangkan setiap kali Mesyuarat Bahagian. Setiap pegawai dibenarkan <i>reshuffle</i> antara Seksyen / Unit berdasarkan beban kerja dan tempoh bertugas.</p> <p>BPOPP - BPOPP dan pejabat JANM Negeri/Cawangan sentiasa mengamalkan pembahagian kerja dengan adil dan saksama di kalangan kakitangan.</p> <p>BWTD - Perbincangan telah diadakan dengan Ketua Seksyen/Unit pada setiap akhir tahun bagi semakan semula fungsi, pencapaian, beban kerja dan sasaran yang ditetapkan. Pembahagian tugas dan kakitangan dilakukan berdasarkan persetujuan bersama sebagai satu pasukan.</p> <p>IPN - Pembahagian kerja dilakukan dengan adil selaras dengan jawatan pegawai.</p> <p>PPPA - Pembahagian tugas dan kerja dibuat dari masa ke semasa terutama apabila terdapat kerja yang baru (bukan rutin) yang perlu dilakukan oleh PPPA serta melalui mesyuarat pengurusan bagi menentukan</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
					<p>pembahagian kerja mengikut kesesuaian fungsi dan tenaga kakitangan.</p> <p>BPTM - BPTM mengambil maklum perkara ini.</p> <p>BPAD - BPAD mengamalkan pembahagian kerja yang adil dan saksama kepada semua kakitangan serta membuat pusingan kerja setiap 3 tahun.</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
		<p>Arahan dan format kerja yang baru sering kali dilaksanakan setiap kali berlaku pertukaran Ketua Pejabat.</p>	<p>Bahagian/ Negeri/Cawangan</p>	<p>Bahagian/ Negeri/Cawangan</p>	<p>BA MOF - Mengambil tindakan sekiranya perlu.</p> <p>BPOPA - Dibincangkan di Mesyuarat Bahagian dan seterusnya di peringkat Seksyen / Unit.</p> <p>BPOPP - Pembaharuan arahan dan format kerja perlu sentiasa dikemaskini dan dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan.</p> <p>BWTD - Arahan dan format kerja sedia ada digunakan kecuali timbul isu yang memerlukan kajian semula arahan dan format kerja berkenaan.</p> <p>IPN - Arahan dan format kerja yang baru dilaksanakan sekiranya ada perubahan seperti yang dinyatakan dalam pekeliling yang berkaitan.</p> <p>PPPA - PPPA menggunakan arahan serta format kerja seperti mana yang diarahkan oleh JANM melalui urus setia yang dilantik. Perubahan hanya dibuat apabila terdapat keperluan format baru berdasarkan arahan atau Pekeliling yang berkaitan sahaja.</p> <p>BPTM - BPTM mengambil maklum perkara ini.</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
					BPAD - BPAD akan mengeluarkan arahan dan format kerja yang baru sekiranya ada keperluan kepada tugas/aktiviti yang baru bagi menghasilkan kerja yang berkualiti.
3.	Kelengkapan pejabat	Kekurangan kenderaan jabatan dan pemandu.	Bahagian/ Negeri/Cawangan	BPPP BPOPP (Negeri/Cawangan)	BPOPP - Permohonan untuk tambahan/ penggantian kenderaan baharu telah dikemukakan ke Perbendaharaan, walaubagaimanapun peruntukan tidak diluluskan. Perjawatan pemandu telah diluluskan, walaubagaimanapun pengisian belum dilaksanakan oleh SPA. Khidmat pegawai PSH diambil untuk mengatasi masalah ini.
		Kelengkapan dan perabot yang melebihi 10 tahun dimohon untuk ditukar dengan yang baru.	JANM Limbang	BPOPP (Negeri/Cawangan)	BPOPP - Permohonan untuk penggantian perabot baharu telah dikemukakan ke Perbendaharaan, walaubagaimanapun peruntukan tidak diluluskan. Penggantian boleh dilaksanakan secara berperingkat dengan menggunakan OS27000.

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
		Cadangan untuk menyusun semula susun atur pejabat agar lebih bercirikan korporat dan selesa terutama bagi pegawai yang duduk di <i>partition</i>	Bahagian/ Negeri/Cawangan	Bahagian/ Negeri/Cawangan	<p>BA MOF - Telah dilakukan dari awal tahun 2015.</p> <p>BPOPA - Perkara ini seringkali dibincangkan dalam Jawatankuasa EKSA dan dilaksanakan setelah mendapat persetujuan Seksyen yang terlibat.</p> <p>BPOPP - Pelaksanaan EKSA secara berterusan.</p> <p>BWTD - Pengubahsuaian pejabat telah dapat dilakukan pada tahun 2016</p> <p>IPN - Pengubahsuaian pejabat boleh dilaksanakan sekiranya peruntukan mencukupi.</p> <p>PPPA - Oleh kerana terdapat keperluan untuk menyediakan ruang tambahan bagi menjalankan aktiviti 1GFMAS, sebahagian ruang PPPA telah diberikan bagi aktiviti tersebut iaitu ruang pengujian, perbincangan dan ruang untuk menempatkan kakitangan vendor di PPPA secara terbuka dengan menggunakan kemudahan sedia ada. Walau bagaimana pun, ruang kerja bagi kakitangan PPPA masih diutamakan dengan mengambil ciri EKSA dalam persekitaran ruang kerja tersebut.</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
					<p>BPTM - BPTM tidak dapat melaksanakan perkara ini disebabkan keadaan semasa yang melibatkan pihak vendor.</p> <p>BPAD - sentiasa memastikan susun atur pejabat bercirikan korporat seperti mana yang ditetapkan oleh EKSA.</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
		Kekurangan kelengkapan seperti telefon, pencetak dan mesin fotostat.	Bahagian/ Negeri/Cawangan	Bahagian/ Negeri/Cawangan	<p>BA MOF - Mempunyai kelengkapan yang mencukupi.</p> <p>BPOPA - Tiada isu. Perkara ini seringkali dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan.</p> <p>BPOPP - Kelengkapan seperti telefon, pencetak dan mesin fotostat tertakluk kepada peruntukan dan keperluan sebenar.</p> <p>BWTD - <u>Telefon</u> : Semua pegawai BWTD telah mendapat kemudahan telefon, perbezaan hanya dari segi tahap <i>accessibility</i> sahaja.</p> <p><u>Pencetak</u> : Semua pegawai gred 41 ke atas disediakan pencetak dan pegawai pelaksana berkongsi 4 orang untuk 1 pencetak.</p> <p><u>Mesin fotostat</u> : 4 mesin terdapat di BWTD yang mana setiap <i>wing</i> disediakan 2 mesin.</p> <p>IPN - Kelengkapan peralatan pejabat di IPN mencukupi untuk semua warga kecuali mesin pencetak yang akan diterima pada bulan November 2016.</p> <p>PPPA - Tidak terdapat kekurangan kelengkapan seperti dinyatakan di PPPA.</p> <p>BPTM - Pengagihan kelengkapan dibuat</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
					<p>mengikut dasar yang telah ditetapkan.</p> <p>BPAD - BPAD sentiasa memastikan semua kakitangan mendapat kelengkapan yang diperlukan</p>
4.	Kafeteria dan perpustakaan	Kurang kepelbagaian jenis makanan	Bahagian/ Negeri/Cawangan	BPPP BPOPP (Negeri/Cawangan)	BPOPP - Bagi JANM Negeri/ Cawangan, kontrak kantin bukan di bawah kuasa JANM.
		Harga makanan hendaklah berpatutan dan tidak mahal	Bahagian/ Negeri/Cawangan	BPPP BPOPP (Negeri/Cawangan)	BPOPP - Bagi JANM Negeri/ Cawangan, kontrak kantin bukan di bawah kuasa JANM.
		Kantin dibuka lewat (jam 9.00 pagi)	JANM Bintulu	BPOPP (Negeri/Cawangan)	BPOPP - Kontrak kantin bukan di bawah kuasa JANM Bintulu dan di bawah bidang kuasa <i>Bintulu Development Authority</i> (BDA)
5.	Perkara-perkara lain	Galakan kepada kakitangan untuk beriadah – kemudahan <i>gym</i> dan bilik rekreasi	Bahagian/ Negeri/Cawangan	BPPP BPOPP (Negeri/Cawangan)	<p>BPOPP - Bahagian ini mencadangkan giliran hari penggunaan gim bagi pegawai lelaki dan wanita.</p> <p>Bagi JANM Negeri/ Cawangan dicadangkan sesi riadah dilaksanakan oleh kelab atau menggunakan kemudahan yang disediakan oleh Jabatan lain.</p>

BIL.	ASPEK	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN	ISU DARIPADA	TINDAKAN	MAKLUM BALAS
		Banyakkan tempat letak kenderaan.	Bahagian/ Negeri/Cawangan	<p>BPPP</p> <p>BPOPP (Negeri/Cawangan)</p>	<p>BPOPP - Bagi JANM Negeri/ Cawangan tertakluk kepada kemudahan tempat letak kereta yang disediakan oleh tuan punya bangunan dan tuntutan bayaran balik tempat letak kereta berbayar.</p>